

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 30/09/2007

Rakyat digesa capai kecemerlangan

UM - 30/9/2007

NEW YORK 29 Sept.- Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan rakyat Malaysia agar meneruskan usaha mereka ke arah mencapai kecemerlangan pada setiap masa agar mereka dapat membawa kemajuan yang lebih baik kepada negara ini.

Bercakap pada majlis jamuan malam untuk pegawai kerajaan Malaysia, rakyat Malaysia yang tinggal di New York dan keluarga mereka, beliau berkata, Misi Nasional, rangka kerja dasar bagi membantu Malaysia mencapai status negara maju menjelang 2020, memberi penekanan terhadap menambah nilai kepada modal insan menerusi pendidikan dan mengasah kemahiran dalam pelbagai bidang.

Beliau berkata, usaha ke arah kecemerlangan bagi membantu mencapai status negara maju tidak

seharusnya terhenti setakat 2020 tetapi menjangkau tempoh itu.

Oleh itu, katanya, seseorang itu tidak seharusnya berhenti mempertingkatkan diri selepas jangka waktu tertentu tetapi perlu terus mengejar kecemerlangan pada sepanjang masa.

Hadir pada majlis itu ialah isteri Abdullah, Datin Seri Jeanne Abdullah, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan isteri, Datin Seri Aziah Syed Zainal Abidin.

Abdullah berkata, kejayaan masa depan Malaysia bergantung kepada kualiti modal insan dan keupayaannya memupuk masyarakat dengan mentaliti kelas pertama.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mencatat kejayaan memberangsangkan dalam 50 tahun pertamanya dan berharap 50 tahun akan datang akan lebih baik

lagi.

Beliau juga meminta kakitangan kerajaan yang bertugas di New York supaya mempertingkatkan diri dan mengikuti perkembangan terkini berita berkaitan isu dunia agar dapat memberikan khidmat yang lebih baik kepada negara.

Beliau merakamkan penghargaan kepada pegawai yang pernah dan sedang berkhidmat di Suruhanjaya Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) selain masyarakat Malaysia yang patriotik serta taat setia di New York.

Abdullah berkata Malaysia membuat banyak sumbangan ketara kepada PBB sejak 50 tahun lepas setelah menganggotai PBB pada 1957 dan berharap akan terus berbuat demikian dalam tempoh 50 tahun akan datang.

- Bernama